

Pelajari wawasan Datuk Onn sedarkan Melayu

Oleh ROHANI IBRAHIM
(WARTAWAN UTUSAN)

PERJUANGAN Datuk Onn Jaafar meninggalkan impak yang besar dalam kehidupan orang Melayu dari terbangkitnya semangat nasionalisme Melayu, penubuhan parti politik orang Melayu dan mengekalkan nilai-nilai Melayu dalam sebuah negara berbilang kaum.

Biarpun beliau tidak menerajui negara ketika Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Onn meninggalkan pengaruh dan pemikirannya sebagai warisan kepada bangsa.

Warisan berharga dan tidak ternilai yang ditinggalkannya ialah idea kepimpinan dan inti perjuangan yang terus relevan, menjadi ikutan dan petunjuk kepada generasi demi generasi selepas beliau.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dalam ucapan perasmian beliau bagi Persidangan Kebangsaan Mengenai Datuk Onn di Johor Bahru baru-baru ini berkata, sama ada kita sedari atau tidak warisan perjuangan Onn masih menjadi teras dan tetap diperlukan sebagai paksi hala tuju perjuangan bangsa Melayu.

Walaupun Onn dalam sejarah politiknya keluar dari UMNO, pernah menubuhkan dua parti lain dan menjadi pembangkang dalam dewan perwakilan tetapi inti perjuangannya terpahat dengan teguh dalam parti UMNO dan perjuangan bangsa Melayu.

Laungan perjuangan Hidup Melayu yang dicetuskannya lebih 60 tahun lalu tidak sekadar satu slogan tetapi sarat dengan perjuangan bangsa Melayu dalam membela kedudukan raja-raja, agama, bahasa, kebudayaan, pendidikan, ekonomi dan hak-hak istimewa orang Melayu.

Hidup Melayu yang menyatukan orang Melayu dulu, kini dan selamanya dimu-

lakan Onn dalam gerakannya menentang Gagasan Malayan Union ciptaan penjajah Inggeris.

Beliau menyedarkan orang Melayu betapa Malayan Union adalah satu ancaman yang akan melenyapkan bangsa di tanah airnya sendiri.

Penentangan Malayan Union itulah yang membawa kepada pembelaan kedudukan raja-raja Melayu dan segala hal orang Melayu di negara ini.

Gerakan Onn mendesak Inggeris tanpa mengenal erti jemu dan penat lelah akhirnya membuahkan hasil apabila penjajah akur untuk menguburkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Idea kenegaraan Onn diterima Inggeris dalam menggariskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Memastikan

Dalam proses menyediakan perjanjian berkenaan Onn mengetuai pasukan orang Melayu dalam memastikan raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu menjadi dasarnya. Inilah semangat kebangsaan Melayu yang tulen dan idea penentu kepada pembentukan negara bangsa di Malaysia ini.

Idea kenegaraan Onn juga menjadi teras dalam perjuangan UMNO dan orang Melayu sekalipun beliau meninggalkan parti dalam usaha mencari strategi lain pula untuk mendapatkan kemerdekaan.

Dari perjuangan itulah kita beroleh pengiktirafan sempadan negara sendiri untuk mendapat kemerdekaan.

Pada waktu itu, Onn tidak sehaluan dengan beberapa pemimpin politik sezamannya yang cenderung menerima konsep Indonesia Raya untuk mencapai kemerdekaan bersama dengan negara

UUM-4/12/2006
jiran. Ini kerana Onn mahukan supaya Tanah Melayu merdeka dengan mempunyai sempadan negaranya sendiri dan orang Melayu mengetuai kerajaannya.

Tiga ciri utama yang menjadi asas pembentukan sebuah negara bangsa Onn ialah kedaulatan sempadan negara, perlembagaan negara dan kewarganegaraan.

Inggeris menerima usaha tersebut dengan mengambil kira faktor-faktor sejarah, tradisi, ekonomi dan sosial yang sudah sekian lama wujud di Semenanjung Tanah Melayu.

Unsur-unsur ini penting untuk memastikan penerimaan sebahagian besar penduduk pribumi terutama orang Melayu. Ia memberi identiti kepada sebuah negara baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu.

Semua pihak termasuk Melayu dan bukan Melayu sekalipun perlu mengakui bahawa idea kenegaraan Onn bukan sahaja memulakan langkah pertama malah terus kita warisi dan amalkan sebagai sebuah negara bangsa.

Idea itu merelakan dan memberikan keistimewaan kepada kaum lain untuk sama-sama menjadi rakyat, hidup bersama berkongsi kuasa dan kemakmuran dalam sebuah negara merdeka bebas lagi berdaulat.

Itulah warisan peninggalan Onn yang kita nikmati hingga ke hari ini yang menjadi penentu keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam negara ini.

Sejarah juga membuktikan jika asas-asas ini cuba dipesongkan ia boleh mencetuskan suasana tidak selesa dan keresahan dalam masyarakat di negara ini.

Tunku Abdul Rahman pernah berhadapan dengannya apabila berlaku rusuhan kaum 13 Mei 1969. Selain itu keresahan sentiasa didengar disertakan dengan kesangsaan dan kebimbangan dalam silih ganti pemimpin sehinggalah ke

hari ini.

Paparan peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union adalah masih relevan dalam era globalisasi abad ke-21.

Semangat nasionalisme yang dicetuskan daripada peristiwa bersejarah ini masih diperlukan untuk menegaskan semula peranannya dalam pembinaan negara bangsa.

Melalui paparan ini, muafakat Melayu yang bangkit 60 tahun lalu dapat diberikan makna yang lebih jelas terutamanya dalam konteks hubungan masyarakat majmuk negara ini.

Memperingati peristiwa bersejarah tersebut juga masih relevan dalam menakrif hubungan antara istana dan negeri dan peranan raja-raja agar sesuai dengan keadaan semasa.

Kita sewajarnya berterima kasih dengan idea kenegaraan Onn kerana ia menghasilkan formula dalam memupuk perpaduan Melayu, mencetus semangat nasionalisme, menggerak perpaduan kaum, menebus maruah bangsa, menegak keadilan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Generasi muda perlu menghayati idea kenegaraan Onn ini sebagai bekalan dan pedoman untuk memahami erti warisan perjuangan supaya ia terus subur dan segar dalam pertumbuhan kemajuan.

Generasi akan datang bukan sahaja mewarisi kepimpinan parti yang ditinggalkan pemimpin terdahulu tetapi mewarisi perjuangan mereka.

Kejayaan dan kebahagiaan yang kita tempa ternyata membuktikan idea kenegaraan Onn amat kukuh, cukup mendasar, menepati keperluan dan berpandangan jauh.

Perjuangan Onn adalah perjuangan sebenar ketuanan Melayu yang diteruskan oleh UMNO. Malah perjuangan berkenaan masih belum selesai hingga ke hari ini.